

RUU SOSMA akan dipinda - Tun Mahathir

AstroAwani

05 November 2019

Khairunnisa Kasnoon,

Undang-undang Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012 (SOSMA) akan dipinda secepat mungkin.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad memaklumkan, sekiranya berkesempatan, pemindaan itu akan dibuat pada sesi Dewan Rakyat kali ini.

"Jika sempat, RUU itu akan dibuat pada sidang Dewan Rakyat kali ini, jika tidak akan dibawa ke persidangan akan datang," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Beliau ditanya sama ada langkah ini mempunyai kaitan dengan tangkapan beberapa individu yang didakwa ada hubungan dengan kumpulan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE), Perdana Menteri berkata, janji tersebut telah lama dibuat PH.

"Kami (PH) telah lama membuat janji ini tetapi ditangguhkan atas faktor-faktor tertentu. Jadi kini kami merasakan perlu mengambil tindakan segera sekiranya undang-undang drakonian ini digunakan lagi," katanya lagi.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruu-sosma-akan-dipinda-tun-mahathir-221884>